

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	11 JUNE 2016

Pekebun, penoreh dapat 'durian runtuh'

BH - 11/6/2016

→ Kerajaan lulus Bantuan Khas Kejatuhan Harga Getah 2016

Oleh Jalal Ali Abdul Rahim dan Farah suhaidah Osman
bhnews@bh.com.my

✦ Kuala Kangsar

Seramai 388,111 pekebun kecil RISDA di seluruh negara menerima 'durian runtuh' apabila kerajaan meluluskan Bantuan Khas Kejatuhan Harga Getah 2016.

Bantuan RM500 setiap seorang yang disalurkan mulai semalam dengan peruntukan keseluruhan RM194.055 juta itu akan memanfaatkan 307,770 pekebun kecil yang juga pemilik dan pengusaha kebun, manakala selebihnya atau 80,341 lagi adalah penoreh

yang mengambil upah mengusahakan kebun bukan milik mereka.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak menyerahkan bantuan khas berkenaan kepada wakil pekebun kecil di Dewan Jubli Perak, di sini, semalam. Ia menyusul hanya dua hari selepas kerajaan mengumumkan bantuan khas RM500 kepada 1.6 juta penjawat awam sebagai persiapan menyambut Aidilfitri.

Prihatin kebajikan masyarakat Najib berkata, kemampuan memberi bantuan khas itu adalah kerana kecekapan kerajaan mengurus ekonomi negara dengan baik dan sentiasa menunaikan janji, ter-

masuk membantu dan meringankan beban rakyat seperti membela nasib pekebun kecil.

"Ini bukanlah kerana PRK (pilihan raya kecil) sebab kita sudah buat pada 2013 dan 2104. Ini (bantuan) kali ketiga, jadi kalau orang kata kerana pilihan raya kecil, itu tak betul, bidaah namanya. Ini soal kebajikan kepada masyarakat luar bandar," katanya.

Yang turut hadir, Menteri Besar Perak, Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir; Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob; Timbalannya, Datuk Ahmad Jazlan Yaakub dan Pengerusi RISDA, Datuk Zahidi Zainul Abidin.

"Ini yang saya kata, kerajaan

amat prihatin akan kebajikan setiap kelompok masyarakat, apatah lagi tuan-tuan adalah penyokong setia dan tegar kerajaan," kata Perdana Menteri.

Sementara itu, Ismail Sabri pada sidang media kemudian, berkata beliau sudah mengarahkan RISDA menyelesaikan pembayaran bantuan itu yang juga sebahagian insentif dilaksanakan kerajaan sebelum ini, termasuk harga lantai getah dan penangguhan pemotongan ses, pada minggu depan.

 **Untuk komen**
e-mel ke bhnews.bh.com.my
atau di laman Facebook BH Online